

Pastikan usaha sama tidak jejas kedudukan

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI

KUALA LUMPUR 4 Okt. - Sebarang usaha sama melibatkan Proton Holdings Berhad dengan mana-mana syarikat pembuat kereta, tidak harus sehingga menjejaskan kedudukannya sebagai syarikat pengeluar kereta nasional, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Penasihat Proton itu berkata, tidak men-

jadi masalah jika Proton mahu mengadakan usaha sama dengan Volkswagen AG (VW), asalkan kedudukannya sebagai syarikat kereta milik penuh negara terus terjaga.

"Proton telah menjelaskan bahawa ia akan terus kekal menjadi syarikat kereta milik nasional, walaupun ia merancang mengadakan usaha sama dengan VW," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Presiden Uzbekistan, Islam Karimov di sini.

Sehubungan itu, bekas Perdana Menteri itu berpendapat, selagi Proton menguasai pemilikan, tidak ada salahnya ia mengadakan usaha sama dengan VW.

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai mengulas mengenai cadangan Proton mahu mengadakan usaha sama dengan VW.

Ketika ditanya mengenai ekuiti, Dr. Mahathir berkata, terserah kepada Proton merundingkan jumlah ekuiti dengan VW dalam usaha sama itu.

"Yang penting ialah Proton mengekalkan kedudukannya sebagai syarikat kereta milik nasional, tentang bahagiannya (jumlah ekuiti) terpulanglah kepada Proton menentukannya," katanya.

Pengerusi Proton, Datuk Mohd. Azlan Hashim sebelum ini dilaporkan berkata, pembentukan usaha sama dengan VW tidak akan menghalangnya mengekalkan kawalan ke atas pengurusan dan pegangan saham majoriti dalam syarikat pengeluar kereta nasional itu.

Menurut Mohd Azlan, kedua-dua pihak memiliki senarai kemahuan masing-masing tetapi struktur pengurusan syarikat akan menentukan sama ada Proton boleh meraih manfaat daripada rangkaian nilai.

"Proton bukan syarikat biasa, sebaliknya Proton mempunyai tempat istimewa pada hati rakyat Malaysia dan dianggap aset nasional.

"Setiap keputusan akhir akan sentiasa berasaskan kriteria itu (aset nasional)," katanya.

Mohd. Azlan turut mengesahkan rundingan dengan syarikat pengeluar kereta Jerman itu masih berterusan.

Katanya, rundingan itu mengambil masa kerana ia membabitkan isu yang kompleks dan keinginan kedua-dua pihak membentuk usaha sama jangka panjang.



DR. MAHATHIR Mohamad berjabat tangan dengan Islam Karimov yang mengadakan kunjungan hormat di Kuala Lumpur, semalam.